

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]****TARIKH : 6.3.2018 (SELASA)****SOALAN :****Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) jumlah miskin dari keluarga B40 yang tercicir sekolah dan berhenti sekolah dari tahun 2013 hingga Januari 2018 mengikut pecahan darjah dan tingkatan, pecahan negeri dan etnik; dan
- (b) apakah justifikasi pemotongan Bantuan Am Persekolahan sebanyak 50% serta senarai alternatif program oleh Kementerian khusus untuk isi rumah B40 membendung gejala keciciran pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Purata peratus keciciran murid sekolah rendah bagi tahun 2013 hingga 2017 antara 0.16 hingga 1.42 peratus. Manakala purata peratus keciciran murid sekolah menengah bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah 1.87 hingga 4.63 peratus. Peratus keciciran murid yang dinyatakan tersebut adalah merangkumi murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan serta murid dari keluarga B40 yang tercicir sekolah dan berhenti sekolah.

(b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjalankan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kadar penyertaan murid di sekolah dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Jawatankuasa Induk Pendekatan Bersepadu Menangani Keciciran Murid di sekolah dan Jawatankuasa Teknikal Pendekatan Bersepadu Menangani Keciciran Murid di Sekolah telah ditubuhkan selaras dengan inisiatif yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas di mana ia bertujuan khusus menangani masalah keciciran di sekolah.

Pada masa yang sama, Kementerian menyediakan 19 jenis Bantuan Persekolahan bagi membendung gejala keciciran murid secara amnya dan meringankan beban ibu bapa dalam kalangan isi rumah B40 (RM3000.00 dan ke bawah) khususnya. Terdapat 9 jenis bantuan khusus boleh dinikmati oleh pelajar dalam kalangan isi rumah B40. Antara bantuan-bantuan tersebut termasuklah Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM); Bantuan Pakaian Seragam Pasukan/Badan Beruniform (BPS); Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia (RMT1M); Bantuan Awal Persekolahan (BAP); Bantuan Makanan Asrama (BMA); Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK) dan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP).